

SKEMA JAWAPAN

BIDANG 1: AL-QURAN

PELAJARAN 1 SURAH AL-AN'AM AYAT 162 – 163

A.

Bil.	Maksud
1.	Katakanlah: Sesungguhnya, solatku dan ibadatku
2.	Hidupku dan matiku
3.	Hanyalah untuk Allah, Tuhan yang mentadbir sekalian alam.
4.	Tiadalah sekutu baginya;
5.	Dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan
6.	Dan aku ialah orang Islam yang pertama berserah diri kepada Allah ﷻ.

B. Berdasarkan tahap penguasaan hafazan murid.

- C.
1. Solat ialah tonggak segala amalan seseorang Muslim.
 2. Segala ibadat yang dilakukan perlu mengikut syariat Nabi Muhammad ﷺ.
 3. Umat Islam wajib menjauhi perbuatan syirik kerana perkara tersebut merupakan larangan Allah ﷻ.
 4. Keikhlasan ialah faktor utama segala ibadat diterima oleh Allah ﷻ.

PELAJARAN 2 SURAH AL-KAHFI AYAT 101 – 110

A.


Bil.	Maksud
1.	Orang yang matanya telah tertutup daripada melihat tanda-tanda mengingati-Ku dan mereka pula tidak dapat mendengar sama sekali.
2.	Maka, adakah orang kafir menyangka bahawa mereka mengambil hamba-hamba-Ku sebagai makhluk yang disembah selain Aku dapat menolong mereka? Sesungguhnya, Kami telah sediakan Neraka Jahanam bagi orang kafir itu sebagai tempat tetamu.
3.	Katakanlah, “Mahukah kami khabarkan kepada kamu akan orang yang rugi amal-amal perbuatannya?”

4.	Orang yang sia-sia usahanya dalam kehidupan di dunia ini sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dalam setiap yang dilakukan oleh mereka.
5.	Merekalah orang yang ingkar akan ayat-ayat Tuhan mereka dan pertemuan dengan-Nya, maka gugurlah amal-amal mereka, maka Kami tidak akan memberikan timbangan untuk menilai amal mereka pada hari kiamat kelak.
6.	Demikianlah balasan mereka ialah Neraka Jahanam, disebabkan mereka ingkar dan mereka menjadikan ayat-ayat-Ku dan rasul-rasul-Ku sebagai ejek-ejekan.
7.	Sesungguhnya, orang beriman dan beramal soleh disediakan bagi mereka Syurga Firdaus sebagai tempat tetamu.
8.	Mereka kekal di dalamnya dan tidak ingin berpindah daripadanya.
9.	Katakanlah, “Kalau semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya sebagai bantuan”.
10.	Katakanlah, “Sesungguhnya, aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang satu; maka sesiapa yang berharap akan bertemu Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada Tuhannya”.


B. Berdasarkan tahap penguasaan hafazan murid.

- C.
1. Orang yang telah tertutup pintu hatinya tidak akan dapat melihat tanda-tanda kekuasaan Allah ﷻ.
 2. Allah ﷻ menyediakan Neraka Jahanam bagi sesiapa sahaja yang mensyirikkan-Nya.
 3. Orang yang mempersendakan ayat-ayat Allah ﷻ dan menghina para rasul-Nya ialah golongan yang rugi.
 4. Orang yang ingkar perintah Allah ﷻ akan ditolak amal kebajikan pada hari kiamat kelak.

A.



B.



C.

Bil.	Potongan Ayat	Hukum Tajwid	Cara Bacaan
1.	الْمَصَّ	Mad Lazim Harfi Mutsaqqal	Dibaca secara idgham dengan kadar panjang bacaan enam harakat.
2.	فِي صَدْرِكَ	Qalqalah Sughra	Bunyi lantunan yang rendah ketika menyebut huruf qalqalah berbaris sukun.
3.	لِئَسْذِرَ بِهِ وَذِكْرِي	Mad Silah Qasirah	Kadar panjang bacaan dua harakat.
4.	دُونِهِ أَوْلِيَاءُ	Mad Silah Thawilah	Kadar panjang bacaan empat atau lima harakat.
5.	مَوْزِينُهُ فَأُولَئِكَ	Mad Silah Qasirah	Kadar panjang bacaan dua harakat.

D.

Bil.	Mad Silah Thawilah	Mad Silah Qasirah	Mad Lazim Kalimi	Mad Lazim Harfi
1.	دُونِهِ أَوْلِيَاءُ	جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَشِيعًا	وَلَا الضَّالِّينَ	الَّذِي
2.	بِعِبَادِهِ رَبِّهِمْ أَحَدًا	يُسَبِّحُ لَهُ مَا	ءَأْتَنَ وَقَدْ عَصَيْتَ	كَهَيْعَصَ
3.	وَذَكَّرَ بِهِ أَنْ تُبَسَّلَ	لَا شَرِيكَ لَهُ وَيَذَلِّكَ	ءَأْتَنَ وَقَدْ كُنتُمْ	طَسَّرَ
	Dipanjangkan bacaan sebanyak empat atau lima harakat.	Dipanjangkan bacaan sebanyak dua harakat.	<ul style="list-style-type: none"> • Mad Lazim Kalimi Mutsaqqal dibaca secara idgham (memasukkan bunyi huruf pertama ke dalam huruf kedua) dengan kadar enam harakat. • Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf tidak dibaca secara idgham dengan kadar enam harakat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mad Lazim Harfi Mutsaqqal dibaca secara idgham (memasukkan bunyi huruf pertama ke dalam huruf kedua) dengan kadar enam harakat. • Mad Lazim Harfi Mukhaffaf tidak dibaca secara idgham dengan kadar enam harakat.
	Cara Bacaan			

PELAJARAN 4 LARANGAN RASUAH

- A. 1. makan 3. rasuah 5. dosa
2. jalan yang salah 4. para hakim
- B. 1. Makan harta orang: Memakan harta orang lain dengan cara yang salah.
2. Rasuah: Sebarang pemberian atau suapan untuk memalsukan kebenaran atau membenarkan kepalsuan.
3. Riba: Melakukan riba terhadap pinjaman dan urusan jual beli.
4. Menipu: Memakan harta orang lain dengan cara salah atau muslihat tertentu.
- C. **Maksud rasuah** ialah sebarang pemberian atau suapan untuk memalsukan kebenaran atau membenarkan kepalsuan.
Bentuk-bentuk kesalahan rasuah:
1. Menawarkan atau memberi rasuah.
2. Mengemukakan tuntutan palsu.
3. Menyalahgunakan kedudukan atau jawatan untuk kepentingan tertentu.
- D. 1. Allah ﷻ dan Rasul ﷺ akan melaknat pemberi dan penerima rasuah.
2. Menjadikan individu hilang harga diri kerana melakukan dosa.
3. Melumpuhkan ekonomi negara akibat daripada kos pengurusan meningkat.
- E. 1. Kita hendaklah berusaha mencari rezeki halal agar tidak mendapat rezeki yang menyalahi syariat Islam.
2. Kita hendaklah menjauhkan diri daripada memberikan rasuah supaya kita tidak menzalimi diri dan masyarakat.
3. Kita hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan sumpah palsu untuk mendapatkan kepentingan tertentu.

PELAJARAN 5 MEMAHAMI SUNNATULLAH

- A. 1. sunah-sunah 4. pengajaran
2. mengembaralah 5. berdukacita
3. penerangan 6. tertinggi
- B. Ibnu Abbas رضي الله عنه berkata: Ketika para sahabat Nabi صلى الله عليه وسلم mengalami kekalahan dalam Perang Uhud, lalu Rasulullah صلى الله عليه وسلم berdoa, “*Ya Allah janganlah engkau biarkan mereka menewaskan kami, ya Allah tiada daya melainkan kekuatan-Mu, ya Allah tiada lagi yang akan menyembah-Mu kecuali kumpulan kami ini, maka bantulah kami*”. Lantas, turunlah ayat ini.
- C. **Maksud sunnatullah** ialah sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah ﷻ terhadap semua makhluk dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut.
Konsep sunnatullah
1. Bersifat tetap dan kekal dengan izin Allah ﷻ.
2. Merangkumi semua makhluk.
3. Berasaskan konsep sebab, musabab dan akibat.

Keputusan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu

1. Dapat mengenal pasti sebab kejayaan umat terdahulu.
 2. Dapat mengetahui sebab kemusnahan umat terdahulu.
 3. Dapat dijadikan iktibar dalam kehidupan.
- D. 1. Meyakini setiap yang berlaku mengikut ketetapan dan kehendak Allah ﷻ.
2. Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan.
3. Menerima ketetapan Allah ﷻ dengan positif.
- E. 1. Kita hendaklah meyakini bahawa Allah ﷻ telah mengaturkan kehidupan manusia agar bersesuaian dengan peraturan dan ketetapan-Nya.
2. Kita hendaklah meyakini bahawa al-Quran merupakan petunjuk ke arah kebenaran bagi orang yang beriman dan bertakwa.
3. Kita hendaklah menjadi pengembara di muka bumi supaya dapat mengetahui dan menyelidiki *sunnatullah*.

PELAJARAN 6 LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA

- A. 1. permainan 3. pelindung 5. air panas
2. al-Quran 4. dihancurkan
- B. 1. Mengejek dan menghina sunah Rasulullah ﷺ.
2. Menghina golongan ulama dan orang soleh.
3. Mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata.
4. Menyanjung perbuatan maksiat.
- C. 1. menyampaikan dakwah dengan penuh sabar.
2. Meningkatkan kualiti ibadat fardu dan sunat
3. Meninggalkan semua perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam
4. agar saling mengingatkan perkara kebaikan serta perbuatan keji dan mungkar.
5. Penguatkuasaan undang-undang
- D. 1. Membatalkan iman kerana boleh merosakkan akidah dan keimanan kepada Allah ﷻ.
2. Tidak akan dipandang oleh Allah ﷻ di akhirat kelak kerana kemurkaan Allah ﷻ terhadap perbuatannya, malah dibalas dengan hukuman yang dahsyat.
3. Tidak mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat kerana tiada keberkatan dalam kehidupannya.
- E. 1. Kita hendaklah sentiasa memberi peringatan kepada orang yang mempersemdakan agama agar mereka hidup berpandukan al-Quran dan *al-Sunnah*.
2. Kita hendaklah menjauhkan diri daripada golongan yang suka merendahkan agama demi menjaga kesucian Islam.
3. Kita hendaklah mempertahankan kesucian Islam dengan pendekatan yang terbaik.

PELAJARAN 7 DAKWAH PEMACU KEMAJUAN

- A. 1. perkataannya 2. manusia 3. berkata
- B. 1. Dakwah bermaksud menyeru supaya melakukan perkara yang diperintah oleh Allah ﷻ dan meninggalkan larangan-Nya.
2. Melakukan perbuatan yang baik mengikut panduan al-Quran dan *al-Sunnah* dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah ﷻ.
3. Menjadikan Islam sebagai cara hidup, iaitu melaksanakan ajaran Islam dalam semua bidang kehidupan.
- C. 1. Kita hendaklah berdakwah kerana dakwah adalah sunah Rasul ﷺ.
2. Kita hendaklah beramal soleh supaya menjadi contoh kepada orang lain.
3. Kita hendaklah menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna.

PRAKTIS SPM

PELAJARAN 3

1.

Bil.	Hukum	Cara Bacaan
1.	<i>Mad Lazim Harfi Mutsaqal</i>	Dibaca secara idgham (memasukkan bunyi huruf pertama ke dalam huruf kedua) dengan kadar panjang bacaan enam harakat.
2.	Qalqalah Sughra	Bunyi lantunan yang rendah ketika menyebut huruf qalqalah berbaris sukun.
3.	<i>Mad Silah Thawilah</i>	Dipanjangkan bacaan sebanyak empat atau lima harakat.
4.	<i>Mad Silah Qasirah</i>	Dipanjangkan bacaan sebanyak dua harakat.
5.	<i>Mad Lazim Kalimi Mutsaqal</i>	Dibaca secara idgham (memasukkan bunyi huruf pertama ke dalam huruf kedua) dengan kadar panjang bacaan enam harakat.
6.	<i>Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf</i>	Tidak dibaca secara idgham dengan kadar panjang bacaan enam harakat.
7.	Qalqalah Kubra	Bunyi lantunan yang kuat ketika menyebut huruf qalqalah ketika wakaf.

PELAJARAN 4

1. a. Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang salah.
b. Kerana hendak memakan atau mengambil sebahagian daripada harta manusia dengan dosa.
2. Maksud rasuah ialah sebarang pemberian atau suapan yang bertujuan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan.

3. a. Meminta atau menerima rasuah.
b. Menawarkan atau memberikan rasuah.
c. Mengemukakan tuntutan palsu.
d. Menyalahgunakan kedudukan atau jawatan untuk kepentingan tertentu.
4. a. Meminta atau menerima rasuah.
b. Melakukan riba dalam urusan hutang.
c. Menjalankan kegiatan judi dalam urusan.
d. Mencuri atau merompak harta milik orang lain.
e. Menyalahgunakan kuasa atau kedudukan untuk kepentingan tertentu.
5. a. Individu tersebut akan dimurkai oleh Allah ﷻ kerana Allah ﷻ dan Rasul-Nya melaknat pemberi dan penerima rasuah.
b. Menjadikan individu hilang harga diri kerana perbuatan rasuah merupakan perbuatan yang berdosa.
6. a. Kita hendaklah mencari rezeki yang halal agar tidak menyalahi syariat Islam.
b. Kita hendaklah menjauhkan diri daripada memberikan rasuah supaya kita tidak menzalimi diri dan masyarakat.
c. Kita hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan sumpah palsu untuk mendapatkan kepentingan tertentu.
7. Umat Islam perlu mengamalkan sikap jujur dan amanah dalam pekerjaan (I). Hal ini demikian kerana kita perlu mencari rezeki yang halal agar mendapat keberkatan daripada Allah ﷻ (H). Oleh itu, kita hendaklah menggunakan jawatan dan kedudukan kita untuk membantu insan lain yang memerlukan (HL). Kesimpulannya, kita perlulah menjauhi sebarang bentuk rasuah agar kehidupan kita sentiasa diredai oleh Allah ﷻ (K).

PELAJARAN 5

1. a. Al-Quran ialah penerangan kepada seluruh umat manusia.
b. Dan janganlah kamu berasa lemah, dan janganlah kamu berdukacita.
2. Maksud *sunnatullah* ialah sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah ﷻ terhadap semua makhluk dan tiada sesiapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut.
3. a. Bersifat tetap dan kekal dengan izin Allah ﷻ.
b. Merangkumi semua makhluk tanpa mengira beriman ataupun tidak.
4. a. Dapat mengenal pasti sebab kejayaan umat terdahulu seperti kejayaan kaum Nabi Yusuf ﷺ menghadapi kemarau panjang kerana telah menyimpan bekalan ekoran daripada nasihat Nabi Yusuf ﷺ.
b. Dapat mengetahui sebab kemusnahan umat terdahulu seperti kaum Tsamud, iaitu kaum Nabi Soleh ﷺ yang bersikap angkuh dan menuduh Nabi Soleh ﷺ pendusta, Allah ﷻ telah mengazab mereka dengan petir dan gempa bumi yang amat dahsyat.
5. a. Kita hendaklah meyakini bahawa Allah ﷻ telah mengaturkan kehidupan manusia agar bersesuaian dengan peraturan dan ketetapan-Nya.
b. Kita hendaklah meyakini bahawa al-Quran ialah petunjuk ke arah kebenaran bagi orang yang beriman dan bertakwa.

6. Umat Islam akan sentiasa merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan mereka (I). Hal ini demikian kerana mereka meyakini setiap yang berlaku merupakan ketetapan dan kehendak Allah ﷻ (H). Oleh itu, mereka akan mengkaji dan menyelidiki kejadian alam untuk pembangunan dan kemajuan umat Islam (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah mengambil iktibar dan pengajaran terhadap segala yang terjadi agar kita dapat membentuk jati diri menghadapi cabaran dalam kehidupan dengan berpegang kepada al-Quran dan *al-Sunnah* (K).

PELAJARAN 6

1. a. Sebagai permainan dan gurauan.
b. Dihancurkan oleh Allah ﷻ disebabkan apa-apa yang diusahakan oleh mereka.
2. a. Minuman yang panas daripada air yang menggelegak di neraka.
b. Azab yang sungguh pedih disebabkan oleh kekufuran mereka.
3. a. Mengejek orang yang menutup aurat dengan sempurna.
b. Menyamakan azan dengan bunyi anjing menyalak.
c. Mentafsir al-Quran mengikut kepentingan diri sendiri.
d. Menghina golongan alim ulama yang tidak sehaluan dengan diri.
4. a. Membatalkan iman kerana merosakkan akidah dan keimanan kepada Allah ﷻ.
b. Tidak akan dipandang oleh Allah ﷻ di akhirat kelak kerana kemurkaan Allah ﷻ terhadap perbuatannya, malah dibalas dengan hukuman yang dahsyat.
c. Tidak mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat kerana tiada keberkatan dalam kehidupannya.
5. a. Kita hendaklah menjauhkan diri daripada golongan yang suka merendahkan agama demi menjaga kesucian Islam.
b. Kita hendaklah sentiasa memberi peringatan kepada orang yang mempersendakan agama agar mereka hidup berpandukan al-Quran dan *al-Sunnah*.
6. Saya akan mencontohi keperibadian mulia Rasulullah ﷺ (I) dengan sentiasa mengamalkan tuntutan amar makruf

nahi mungkar (H). Hal ini demikian kerana kita perlu meninggalkan perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah menyedari bahawa perbuatan mempersendakan agama merupakan sebahagian daripada tipu daya dunia yang menyesatkan (K).

PELAJARAN 7

1. a. Dan siapakah yang lebih baik perkataannya.
b. Dan beramal soleh.
2. Dakwah bermaksud menyeru manusia supaya melakukan perkara yang diperintah oleh Allah ﷻ dan meninggalkan larangan-Nya.
3. a. **Berdakwah:** Menyeru manusia supaya melakukan perkara yang diperintahkan oleh Allah ﷻ dan meninggalkan larangan-Nya.
b. **Beramal soleh:** Melakukan perbuatan yang baik mengikut panduan al-Quran dan *al-Sunnah*.
c. Mengamalkan cara hidup Islam dalam semua aspek kehidupan.
4. a. Ibadat umum, iaitu ibadat sunat yang dilakukan semata-mata kerana Allah ﷻ seperti bersedekah, menolong orang dalam kesusahan dan melaksanakan gotong-royong.
b. Ibadat khusus, iaitu ibadat yang wajib dilaksanakan seperti solat, membayar zakat dan berpuasa pada bulan Ramadan.
5. a. Kita hendaklah berdakwah kerana dakwah adalah sunah Rasulullah ﷺ.
b. Kita hendaklah beramal soleh supaya menjadi contoh kepada orang lain.
c. Kita hendaklah menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna.
6. Saya akan menasihati rakan sekelas dengan berhikmah dan bijaksana (I). Hal ini demikian kerana mengikut amalan Rasulullah ﷺ dalam berdakwah (H). Kesannya, rakan sekelas akan mudah menerima nasihat yang diberikan (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah berdakwah dengan cara yang betul kerana dakwah merupakan sunah Rasulullah ﷺ (K).

BIDANG 2: HADIS

PELAJARAN 8 HINDARI DOSA-DOSA BESAR


- A. 1. Jauhilah tujuh perkara yang merosakkan.
2. Syirik kepada Allah ﷻ dan sihir.
3. Dan membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah ﷻ kecuali dengan kebenaran.
4. Makan riba dan makan harta anak yatim, dan lari dari medan peperangan.
5. Dan membuat tuduhan berzina terhadap wanita beriman yang suci dan terpelihara (daripada maksiat).

B.

	Syirik	Sihir	Membunuh	Makan riba	Makan harta anak yatim	Lari dari medan perang	Qazaf
Maksud	Menyembah sesuatu selain Allah ﷻ.	Perbuatan yang memudaratkan orang lain dengan bantuan jin.	Perbuatan menghilangkan nyawa seseorang.	Pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan hutang piutang.	Menggunakan harta anak yatim dengan cara yang tidak dibenarkan oleh syarak.	Meninggalkan medan peperangan menghadapi musuh.	Menuduh wanita Islam yang baik melakukan perzinaan tanpa membawa saksi.

Contoh	1. Menyembah berhala. 2. Meyakini Nabi Isa ﷺ sebagai anak Allah ﷻ.	1. Santau 2. Pukau 3. Minyak pengasih. 4. Pelaris	1. Menembak dengan senjata api. 2. Menikam menggunakan pisau. 3. Meletakkan racun dalam makanan.	1. Hutang yang menetapkan faedah bayaran dengan peratusan tertentu. 2. Menukarkan emas dengan emas dalam kadar berat berbeza.	1. Pemegang amanah membelanjakan harta anak yatim untuk kegunaan peribadi secara berlebihan-lebihan. 2. Menyalahgunakan harta anak yatim.	1. Melarikan diri daripada pasukan yang sedang bertempur menghadapi serangan musuh. 2. Enggan mempertahankan negara apabila diarahkan.	1. Percakapan atau pertuduhan yang jelas seperti “Kamu telah berzina”. 2. Memanggil seseorang wanita “Wahai penzina!”.
Kesan	1. Merosakkan pahala amalan. 2. Merosakkan akidah.	1. Mengakibatkan kesakitan pada tubuh badan. 2. Mencetuskan pergaduhan.	1. Menyusahkan keluarga mangsa pembunuhan. 2. Memporak-perandakan kehidupan masyarakat.	1. Mengakibatkan penindasan. 2. Melumpuhkan ekonomi umat Islam.	1. Mengakibatkan penindasan. 2. Menjejaskan hubungan kekeluargaan.	1. Keselamatan umat Islam terancam. 2. Negara terdedah kepada penjajahan.	1. Menjatuhkan maruah. 2. Mencetuskan perbalahan.

- C. 1. Kita hendaklah sentiasa memelihara diri daripada perbuatan syirik kerana syirik boleh merosakkan akidah.
2. Kita mestilah menghindarkan diri daripada perbuatan membunuh agar tidak melanggar hak asasi manusia.



- D. 1. Kita hendaklah memandang mulia terhadap pekerjaan yang halal, walaupun hasilnya sedikit demi mendapat keberkatan dalam kehidupan.
2. Kita mestilah mencari ilmu dan kemahiran untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik.

- E. 1. BETUL 2. SALAH 3. SALAH 4. BETUL

PRAKTIS SPM

PELAJARAN 8

1. a. i. • Melakukan syirik kepada Allah ﷻ.
• Melakukan sihir.
• Memakan riba.
• Menuduh perempuan suci melakukan zina.
• Memakan harta anak yatim.
• Membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah ﷻ kecuali kerana kebenaran.
• Melarikan diri dari medan perang.
- ii. Jauhilah tujuh perkara yang merosakkan.
- iii. • Mengakibatkan penindasan kepada orang yang berhak terhadap harta.
• Menjejaskan hubungan kekeluargaan akibat sikap tamak.
- iv. • Kita hendaklah sentiasa memelihara diri daripada perbuatan syirik kerana syirik boleh merosakkan akidah.
• Kita mestilah menghindarkan diri daripada perbuatan membunuh agar tidak melanggar hak asasi manusia.

PELAJARAN 9

1. a. i. Dan menanggungnya di atas belakangnya (untuk dijual).
ii. • Menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah ﷻ.
• Membebaskan diri daripada bergantung kepada pihak lain.

PELAJARAN 9 KEMULIAAN BERDIKARI

- A. 1. Jika seseorang daripada kamu mengumpul kayu api.
2. Menanggungnya di atas belakangnya (untuk dijual).
3. Pasti lebih baik daripada dia meminta-minta kepada seseorang.
4. Lalu, orang itu memberi kepadanya atau menolaknya.
- B. 1. potensi diri, tubuh badan
2. bergantung, kemuliaan
3. kemampuan, tugas
4. Berazam, meningkatkan
5. bersungguh-sungguh, kehidupan
- C. **Agama:** Menjadikan Islam dipandang tinggi kerana umatnya rajin berusaha.
Ekonomi: Mendapatkan sumber pendapatan yang diyakini halal.
Pendidikan: Melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi melalui penerokaan ilmu dan kemahiran.
Masyarakat: Memperkasakan daya saing masyarakat untuk mempertingkatkan taraf kehidupan.

- Meyakini kemampuan diri untuk melaksanakan sesuatu tugas.
- iii. **Ekonomi:** Mendapatkan sumber pendapatan yang diyakini halal.
- **Pendidikan:** Melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi melalui penerokaan ilmu dan kemahiran.
- iv. Kita hendaklah memandang mulia terhadap pekerjaan yang halal, walaupun hasilnya sedikit demi mendapat keberkatan dalam hidup.
- Kita mestilah mencari ilmu dan kemahiran untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik.
- Kita hendaklah menghindari perbuatan memintaminta dan bergantung kepada orang lain demi memelihara kemuliaan dan maruah diri.

BIDANG 3: AKIDAH

PELAJARAN 10 ALLAH ﷻ MAHA PEMBALAS DAN MAHA PERKASA

A. **Al-Muntaqim:** Nama Allah ﷻ yang menunjukkan bahawa Allah ﷻ Maha Pembalas dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas.
Al-Jabbar: Nama Allah ﷻ yang menunjukkan bahawa Allah ﷻ Maha Berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendak-Nya.

B. **Dalil naqli al-Muntaqim:**

﴿۴۱﴾ فَأَمَّا نَدَّبَهَا بِكَ فإِنَّا مِنْهُمْ مُنْتَقِمُونَ

(Surah al-Zukhruf, 43: ayat 41)

Dalil naqli al-Jabbar:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقَدُّوسُ السَّلَامُ
 الْمُؤْمِنُ الْمُهِيبُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ
 اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿۳۹﴾

(Surah al-Hasyr, 59: ayat 23)


C. **Kefahaman sifat al-Muntaqim Allah ﷻ**

1. pembalasan 3. azab 5. rasul
 2. menolak 4. kemarau

Kefahaman sifat al-Jabbar

6. memiliki 8. hikmah 10. mencampakkan
 7. pemerintahan 9. merendahkan diri

D.



PELAJARAN 11

PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN

A. **Iktikad:** Iman terbatal dengan sebab tidak percaya atau ragu-ragu berkaitan *al-Uluhiyyah* (ketuhanan), *al-Nubuwwah* (kenabian), *al-Ghaibiyat* (perkara ghaib) dan *al-Syariah* (syariat Islam).

Perkataan: Percakapan yang mengandungi pengakuan kufur, penafian akidah Islam atau mempersendakan agama.

Perbuatan: Melakukan perbuatan atau amalan yang jelas menunjukkan kekufuran.

- B. 1. Rosak 3. Diharamkan
 2. tidak bertaubat 4. harta pusaka

- C. 1. Mengetahui perkara yang dilakukan membawa diri pada kufur.
 2. Mengingkari perkara asas dalam Islam seperti perkara yang berkaitan rukun iman dan rukun Islam.
 3. Melakukan perkara yang jelas membawa diri pada kufur.
 4. Melakukan sesuatu perkara dengan sengaja dan pilihan sendiri tanpa sebarang paksaan.

- D. 1. soleh 4. akidah
 2. soleh, mengukuhkan 5. beristighfar, keampunan
 3. al-Quran, *al-Sunnah* 6. petunjuk, istiqamah

- E. 1. BETUL 2. SALAH 3. BETUL 4. SALAH

PELAJARAN 12

HINDARI AJARAN SESAT

A. Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan *al-Sunnah*.

- B. 1. Memahami dan mentafsir al-Quran dengan logik akal semata-mata tanpa mengikut disiplin ilmu yang betul.
 2. Meyakini bahawa terdapat al-Quran lain yang tersembunyi.
 3. Mengaku menjadi nabi atau rasul.
 4. Mendakwa diri atau gurunya sebagai Imam Mahdi.
 5. Menolak kewajipan ibadat fardu.
 6. Beribadat dengan hanya berzikir bagi menggantikan solat.
 7. Mengejek, merendahkan dan mempersendakan sahabat Nabi ﷺ.
 8. Bersikap taasub dengan ajaran guru sehingga menganggap hanya kumpulannya yang benar.

- C. 1. Melemahkan iman dan merosakkan akidah.
 2. Membelanjakan wang pada perkara yang tidak berfaedah.
 3. Menggugat kestabilan politik akibat tindakan keganasan.
 4. Membentuk individu masyarakat yang bersikap agresif dan kasar.

- D. 1. Mempelajari akidah yang sebenar berdasarkan manhaj Ahli Sunah Waljamaah.
 2. Menghindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya.
 3. Memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut panduan al-Quran dan *al-Sunnah*.
 4. Mencari maklumat daripada sumber yang sahih supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat.
 5. Berdoa memohon petunjuk agar sentiasa berada pada jalan yang benar.
 6. Bertaubat kepada Allah ﷻ terhadap keterlanjuran mengikut dan beramal dengan ajaran sesat.
- E. 1. BETUL 2. SALAH 3. SALAH 4. BETUL

PRAKTIS SPM

PELAJARAN 10

1. a. i. Nama Allah ﷻ yang menunjukkan bahawa Allah ﷻ Maha Pembalas dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas.
 ii. • Memahami bahawa Allah ﷻ memberikan pembalasan dengan seksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran.
 • Mengakui Allah ﷻ memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agama-Nya setelah diutuskan rasul dan diberi keterangan yang jelas.
 iii. Kita hendaklah meyakini segala ujian dan musibah merupakan kuasa Allah ﷻ (I). Hal ini demikian kerana Allah ﷻ adalah Maha Pembalas atas segala khilaf dan dosa yang dilakukan (H). Kesannya, kita hendaklah sentiasa bermuhasabah diri dan memelihara diri daripada sebarang kemungkaran (HL). Oleh itu, kita hendaklah meletakkan pergantungan yang tinggi kepada Allah ﷻ agar kehidupan kita aman dan sentosa (K).
- b. i. Nama Allah ﷻ yang menunjukkan bahawa Allah ﷻ Maha Berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendak-Nya.
 ii. • Meyakini Allah ﷻ memiliki dan menguasai seluruh alam.
 • Mengakui semua makhluk berada dalam pemerintahan Allah ﷻ.
 • Tidak boleh mempersoalkan perbuatan Allah ﷻ kerana setiap perbuatan Allah ﷻ mengandungi hikmah yang tersembunyi.
 • Manusia wajib bersifat merendah diri kerana Allah ﷻ akan mencampakkan makhluk-Nya yang bersikap takbur dan bongkak ke dalam Neraka Jahanam.
 iii. Kita meyakini bahawa Allah ﷻ Maha Berkuasa secara mutlak (I). Hal ini demikian kerana Allah ﷻ mampu melakukan sesuatu mengikut kehendak-Nya (H). Kesannya, kita akan sentiasa muhasabah diri bahawa kita ialah hamba yang kerdil dan mengharapkan rahmat Allah ﷻ (HL). Oleh itu, kita hendaklah tawaduk dan merendah diri atas setiap perkara kerana Allah ﷻ jualah yang berkuasa terhadap tiap-tiap sesuatu (K).

PELAJARAN 11

1. a. i. Iman terbatal dengan sebab tidak percaya atau ragu-ragu dengan perkara berkaitan *al-Uluhiyyah* (ketuhanan), *al-Nubuwwah* (kenabian), *al-Ghaibiyat* (perkara ghaib) dan *al-Syariah* (syariat Islam).
 ii. • Ragu berkaitan *al-Uluhiyyah* (ketuhanan).
 • Ragu berkaitan *al-Nubuwwah* (kenabian).
 • Ragu berkaitan *al-Ghaibiyat* (perkara ghaib).
 • Ragu berkaitan *al-Syariah* (syariat Islam).
 iii. Mengajak murid-murid kembali pada akidah Islam yang sebenar (I). Hal ini demikian kerana bertepatan dengan tuntutan amar makruf nahi mungkar, iaitu mengajak ke arah kebaikan dan menghindari kemungkaran dalam kalangan warga sekolah (H). Kesannya, keimanan teguh dapat dibentuk untuk mendepani ajaran sesat yang menyimpang daripada ajaran Islam (HL). Oleh itu, kita hendaklah saling mengingatkan antara satu dengan yang lain demi menjaga keimanan kita sebagai seorang Muslim (K).
- b. i. • Pengakuan kufur: “Saya tidak lagi beragama Islam.”
 • Penafian akidah: “Saya tidak percaya adanya malaikat Raqib dan Atid.”
 • Persendaan hukum Islam: “Bilal itu telah menyalak seperti anjing.”
 ii. • Rosak segala amalan soleh dan ibadat yang dilakukan.
 • Tidak diampunkan dosanya oleh Allah ﷻ sekiranya tidak bertaubat dan kembali pada Islam.
 • Diharamkan memasuki syurga, sebaliknya akan kekal di dalam neraka.
 • Hilang hak terhadap harta pusaka yang ditinggalkan oleh keluarga Muslim.

PELAJARAN 12

1. a. i. Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam, sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan *al-Sunnah*.
 ii. • Menjatuhkan imej umat Islam.
 • Membelanjakan wang pada perkara yang tidak berfaedah.
 iii. • Mempelajari akidah yang sebenar berdasarkan manhaj Ahli Sunah Waljamaah agar iman dapat dikukuhkan.
 • Mencari maklumat daripada sumber yang sahih supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat.
 iv. Kenyataan ini merupakan kenyataan yang tidak benar kerana Allah ﷻ memiliki kuasa mutlak terhadap setiap sesuatu di dunia ini (I). Hal ini demikian kerana Allah ﷻ telah melantik nabi dan rasul sebagai pesuruh-Nya untuk menyampaikan dakwah mentauhidkan Allah ﷻ (H). Orang yang mengaku sebagai pesuruh Allah ﷻ dianggap sesat kerana Nabi Muhammad ﷺ merupakan nabi dan rasul terakhir, tiada lagi nabi dan rasul setelah Baginda ﷺ (HL). Oleh itu, kita hendaklah tidak mudah terpedaya dengan ajaran sesat kerana boleh merosakkan akidah dan membatalkan keimanan kepada Allah ﷻ (K).

BIDANG 4: Fiqah

PELAJARAN 13 HAJI DAN UMRAH

A.

	Haji	Umrah
Maksud	Bahasa: Tujuan dan maksud.	Bahasa: Ziarah.
	Istilah: Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bulan-bulan haji untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.	Istilah: Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.
Hukum	Wajib sekali seumur hidup bagi setiap individu yang mukalaf dan berkemampuan.	
Dalil	<p>1. وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ (Surah al-Baqarah, 2: ayat 196)</p> <p>2. وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ (Surah Ali 'Imran, 3: ayat 97)</p> <p>3. Hadis Riwayat Muslim. Daripada Umar al-Khattab ؓ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:</p> <p>الإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنْ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا.</p> <p>Ertinya: “Rukun Islam itu ialah engkau melafazkan kalimah syahadat (meyakini serta menerangkan kebenaran) bahawa sesungguhnya, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya, Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah dan engkau mendirikan solat dan mengeluarkan zakat serta berpuasa pada bulan Ramadan dan juga engkau mengerjakan haji ke Baitullah jika engkau berkemampuan.”</p>	

B. Syarat Wajib Haji dan Umrah

1. Tidak diwajibkan kepada orang kafir.
2. Cukup umur dan tidak wajib kepada kanak-kanak.
3. Pemikiran yang waras dan tidak wajib kepada orang gila.
4. Tidak wajib kepada hamba.
5. Mampu dari segi kesihatan, kewangan dan keselamatan.

Rukun

Haji	Umrah
1. Niat	1. Niat
2. Wuquf di Arafah.	2. Tawaf
3. Tawaf	3. Sai
4. Sai	4. Bergunting atau bercukur rambut.
5. Bergunting atau bercukur rambut.	

Perkara Wajib Haji

1. Berniat ihram di miqat.
2. *Mabit* (bermalam) di Muzdalifah.
3. Melontar tujuh anak batu di Jamrah Kubra.
4. *Mabit* (bermalam) di Mina.
5. Melontar tujuh anak batu di ketiga-tiga jamrah.
6. Menjauhi larangan ihram.


Amalan sunat

1. Mandi sunat ihram.
2. Solat sunat ihram.
3. Bertalbiah
4. Mengutip batu di Muzdalifah (haji).
5. Solat sunat selepas tawaf.

C.

	Haji	Umrah
Waktu	Pada bulan haji.	Pada bila-bila masa sepanjang tahun.
Rukun	Wajib wuquf.	Tiada amalan wuquf.
Perkara Wajib	<ul style="list-style-type: none"> • Melontar di ketiga-tiga jamrah. • Bermalam di Muzdalifah. • Bermalam di Mina. • Melontar di Jamrah Kubra. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada melontar di ketiga-tiga jamrah. • Tiada bermalam di Muzdalifah. • Tiada bermalam di Mina. • Tiada melontar di Jamrah Kubra.

D.



E.

1. Wuquf di Arafah.
2. *Mabit* di Muzdalifah.
3. *Mabit* di Mina.
4. Melontar di ketiga-tiga jamrah.
5. Tawaf
6. Sai
7. Bergunting

F.

1. Menghapuskan dosa dan meraih ganjaran syurga kerana pengorbanan harta dan tenaga dalam melakukan perintah Allah ﷻ.
2. Saling mengenali sesama umat Islam, walaupun berbeza bangsa dan negara.
3. Menzahirkan kekuatan umat Islam.
4. Meningkatkan dana umat Islam dan mewujudkan sumber pendapatan baharu.
5. Menyemarakkan perkembangan dakwah Islam ke seluruh alam.

PELAJARAN 14 SEMBELIHAN

- A. 1. Menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya dengan cara memutuskan urat halkum dan urat merah.
 2. Wajib supaya halal dimakan dagingnya.
 3. *حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أَلْمَيْتَةُ وَالِدَمُّ وَحَمُّ الْخِنزِيرِ وَمَا أَهَلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ ۚ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْفُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبْعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ*

(Surah al-Ma'idah, 5: Ayat 3)

- Hadis diriwayatkan oleh Rafi' bin Khadij: "Setiap yang ditumpahkan darahnya dengan menyebut nama Allah, maka makanlah."

(Riwayat al-Bukhari)

- B. 1. Rukun 4. Makruh 7. Sunat 10. Syarat sah
 2. Syarat sah 5. Rukun 8. Makruh 11. Makruh
 3. Sunat 6. Syarat sah 9. Sunat 12. Makruh
- C. 1. Membezakan antara daging yang halal dengan daging yang haram supaya ibadat diterima.
 2. Menghindarkan diri daripada penyakit yang terdapat dalam binatang kerana toksin dan bakteria dalam darah binatang telah dikeluarkan.
 3. Mempercepat proses kematian binatang yang disembelih.
- E. Saya akan memberi makan kepada kucing tersebut dan membersihkannya (I). Oleh yang demikian, kucing tersebut tidak lagi lapar serta berada dalam keadaan bersih dan selesa (H). Kesannya, kucing itu akan terhindar daripada penyakit dan mati kebuluran (HL). Oleh itu, kita hendaklah menanamkan sifat ihsan dan sayang akan haiwan kerana mereka juga ialah makhluk Allah ﷻ (K).

PELAJARAN 15 KORBAN DAN AKIKAH

A.

Korban	Akikah
Maksud	
Menyembelih binatang ternakan (<i>al-an'am</i>) pada 10 Zulhijah sehingga akhir hari tasyrik bertujuan mendekatkan diri kepada Allah ﷻ.	Binatang ternakan (<i>al-an'am</i>) yang disembelih sempena kelahiran bayi.
Hukum	
Sunat muakkad dan wajib jika bernazar.	Sunat muakkad dan wajib jika bernazar.
Dalil Naqli	
<p style="text-align: center;">فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَانْحَرْ</p> <p>(Surah al-Kautsar, 108: Ayat 2)</p>	Hadis diriwayatkan oleh Samurah bin Jundub, bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda: "Setiap anak tergadai dengan akikahnya, maka pada hari ketujuh disembelih haiwan, diberi nama dan dicukur rambutnya."

Haiwan Disyariatkan

- Binatang ternakan (*al-an'am*) yang bebas daripada penyakit dan kecacatan.
- Cukup umur, iaitu:
 Unta: Lima tahun ke atas.
 Lembu: Dua tahun ke atas.
 Kambing: Dua tahun ke atas.
 Biri-biri: Satu tahun ke atas/sudah bersalin gigi hadapan setelah berumur enam bulan.

B. Syarat Sah

1. Masa pelaksanaan selepas solat Hari Raya Aidiladha 10 Zulhijah sehingga terbenam matahari pada akhir hari tasyrik, iaitu 13 Zulhijah.
2. Binatang dikorban sudah cukup umur.
3. Binatang dikorban bebas daripada penyakit dan kecacatan.
4. Masa pelaksanaan setelah bayi dilahirkan.
5. Binatang diakikah sudah cukup umur.
6. Binatang diakikah bebas daripada penyakit dan kecacatan.

Perkara Sunat

1. Melakukan penyembelihan korban dengan sendiri.
2. Membaca *basmalah*, bertakbir dan berselawat.
3. Melaksanakan segala sunat sembelihan.
4. Menyembelih ketika matahari sedang naik.
5. Dilakukan pada hari ketujuh selepas kelahiran.
6. Tidak mematah-matahkan tulang binatang ketika memotong daging.

Tempoh Pelaksanaan

1. Selepas solat Hari Raya Aidiladha 10 Zulhijah sehingga terbenam matahari pada akhir hari tasyrik, iaitu 13 Zulhijah.
 2. Sunat muakkad pada hari ketujuh kelahiran. Sunat disempurnakan setelah kelahiran sehingga bayi itu baligh.
- C. 1. Diagih kepada tiga bahagian: 1/3 disedekahkan kepada fakir miskin, 1/3 disedekahkan kepada sahabat handai termasuk jiran dan orang kaya, 1/3 dimakan oleh orang yang berkorban dan keluarganya.
2. • Sunat dimasak manis dan disedekahkan sesudah dimasak.
 • Masakan itu afdal disedekahkan kepada orang miskin.
 • Masakan itu sunat dimakan oleh orang yang berakikah.
- D. 1. Mengagungkan syiar Islam yang merupakan tanda takwa bagi mendekatkan diri kepada Allah ﷻ.
 2. Menghayati semangat pengorbanan Nabi Ibrahim ﷺ agar dapat menaikkan semangat berjihad.
 3. Mengeratkan persaudaraan antara umat Islam kerana solat Aidiladha menghimpunkan seluruh umat Islam.
 4. Menzahirkan kesyukuran kepada Allah ﷻ disebabkan oleh kurniaan cahaya mata.
 5. Menghebahkan berita kelahiran supaya tidak timbul prasangka.
 6. Menyuburkan sifat pemurah dan menjauhi sifat bakhil.

PELAJARAN 16 MUAMALAT ISLAM


- A. 1. syarak 3. sewaan 5. al-Baqarah
2. jual beli 4. simpanan 6. 275
- B. 1. Menunjukkan keadilan Allah ﷻ dalam mengatur urusan kehidupan manusia.
2. Mengiktiraf pemilikan harta melalui akad yang sah.
3. Segala urusan dalam muamalat Islam bertepatan dengan matlamat syariat Islam.
4. Menjaga kepentingan penjual dengan pembeli dan penyewa dengan pemilik.
5. Mendapat keredaan Allah ﷻ kerana melaksanakan amar makruf nahi mungkar dalam urusan seharian.
- C. 1. Dalil naqli tuntutan beramal dengan muamalat Islam terdapat dalam Surah al-Nisa' ayat 29.
2. Dalil naqli ancaman tidak beramal dengan muamalat Islam terdapat dalam Surah al-Muthaffifin ayat 1 – 6.
3. Terdapat contoh keprihatinan nabi dan sahabat dalam menjaga muamalat Islam.
4. Mengelakkan diri daripada mengamalkan sistem konvensional yang tidak bertepatan dengan syarak.

D.

	Muamalat Islam	Konvensional
Sumber	Bersumberkan dalil al-Quran dan <i>al-Sunnah</i> .	Bersumberkan teori dan pemikiran manusia semata-mata.
Riba	Mengharamkan riba.	Mengamalkan riba.
Judi dan gharar	Bebas unsur judi dan gharar.	Mengandungi unsur judi dan gharar.
Teras	Berteraskan keimanan kepada Allah ﷻ.	Berteraskan keuntungan dan kekayaan.

- E. 1. **Riba:** Pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan hutang.
2. **Gharar:** Kesamaran dalam urusan muamalat yang tidak dibenarkan oleh syarak.
3. **Judi:** Perbuatan yang melibatkan pertaruhan sesuatu yang berharga.
4. **Dharar:** Setiap perkara yang membawa kerosakan.

F.



- G. 1. Pertukaran 9. Perkongsian
2. Jual Beli 10. Musyarakah
3. Sewaan 11. Mudarabah
4. Kebajikan 12. Ejen
5. Hibah 13. Wakalah
6. *Qardh* 14. Jaminan
7. Wakaf 15. *Kafalah*
8. Wadiah 16. Rahnu

- H. 1. Jual beli 3. Wakaf 5. Rahnu
2. Hibah 4. Musyarakah

PELAJARAN 17 SOLAT SUNAT DUHA DAN SOLAT SUNAT GERHANA

A.

	Solat Sunat Duha	Solat Sunat Gerhana
Maksud	Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk sehingga sebelum gelincir matahari.	Solat yang dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan dengan cara-cara yang tertentu.
Hukum	Sunat muakkad.	Sunat muakkad.
Dalil Naqli	<p>Daripada Abu Hurairah ﷺ:</p> <p>أَوْصَانِي خَلِيلِي ﷺ بِثَلَاثٍ لَا أَدْعُهُنَّ حَتَّى أَمُوتَ صَوْمٌ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ وَصَلَاةُ الضُّحَى وَتَوَمُّ عَلَيَّ وَتَرْتِيبٌ.</p> <p>Ertinya: “Kekasihku ﷺ telah mewasiatkan kepadaku tiga perkara yang tidak akan pernah aku tinggalkan sehingga akhir hayatku; berpuasa tiga hari setiap bulan (Hijrah), mengerjakan dua rakaat solat duha dan mengerjakan solat witr sebelum tidur.” (Riwayat al-Bukhari)</p>	<p>Al-Mughirah bin Syu'bah ﷺ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:</p> <p>إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتَانِ مِنَ آيَاتِ اللَّهِ لَا يَتَكْسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ، فَإِذَا رَأَيْتُمُوهُمَا فَادْعُوا اللَّهَ وَصَلُّوا حَتَّى تَنْكَشِفَ.</p> <p>Ertinya: “Sesungguhnya, matahari dan bulan ialah tanda kekuasaan Allah ﷻ, tidak terjadi gerhana matahari dan bulan kerana kematian seseorang, ataupun kehidupannya. Apabila kamu melihat gerhana, maka berdoalah dan dirikanlah solat sehingga gerhana tersebut berlalu.” (Riwayat Muslim)</p>

C.

Solat Sunat Duha	Solat Sunat Gerhana
1. Mendekatkan diri kepada Allah ﷻ bagi meraih kasih sayang daripada Allah ﷻ.	4. Menginsafi kekuasaan Allah ﷻ terhadap penciptaan alam semesta agar sentiasa bersyukur.
2. Membuktikan ketaatan kepada Allah ﷻ pada setiap masa.	5. Memohon keampunan kepada Allah ﷻ terhadap segala dosa yang dilakukan sama ada sengaja atau tidak sengaja.
3. Mendapatkan rahmat dan rezeki daripada Allah ﷻ.	6. Memberikan peringatan supaya manusia tidak melakukan kerosakan dan kemungkaran.

PRAKTIS SPM

PELAJARAN 13

1. a. i. Berniat untuk berada dalam keadaan ihram bagi melakukan ibadat haji atau umrah pada ketentuan tempat (miqat makani) dan masa (miqat zamani).
 - ii.
 - Miqat makani: Ketentuan tempat berniat ihram itu di beberapa tempat antaranya Qarn al-Manazil, Bi'r Ali, Yalamlam, Juhfah dan Dzath 'Irq.
 - Miqat zamani: Ketentuan masa untuk berniat ihram.
 - iii. Menghapuskan dosa dan meraih ganjaran syurga (I) kerana pengorbanan harta dan tenaga sewaktu melakukan perintah Allah ﷻ (H). Kesannya, kita dapat mendekatkan diri kepada Allah ﷻ dengan melengkapkan pelaksanaan rukun Islam, iaitu rukun kelima (HL). Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berazam dan berusaha untuk menyempurnakan tuntutan sebagai seorang Muslim agar meraih rahmat dan kasih sayang Allah ﷻ (K).
- b. i.
 - Haji Ifrad: Pelaksanaan haji dahulu, kemudian mengerjakan umrah pada tahun yang sama.
 - Haji Tamatuk: Pelaksanaan umrah dahulu dalam bulan haji, kemudian mengerjakan haji pada tahun yang sama.
- ii.
 - Tidak sah kerana orang yang dalam keadaan ihram tidak boleh menjadi wakil untuk menerima nikah.
 - Sah kerana bercukur semua rambut termasuk dalam ibadat sunat yang dilakukan bagi lelaki.
- iii. Saling mengenali sesama umat Islam walaupun berbeza bangsa dan negara.

PELAJARAN 14

1. a. i. Sembelihan dalam Islam bermaksud menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya dengan cara memutuskan urat halkum dan urat merah.
 - ii.
 - Masih mempunyai *hayat mustaqirrah* (binatang mampu bergerak dengan bertenaga).
 - Putus urat halkum (saluran pernafasan) dan merah (saluran makanan) dengan segera dan sekali sembelihan.

- iii. Sembelihan binatang yang hendak dimakan adalah wajib sama ada dilakukan oleh lelaki mahupun wanita mengikut syarat-syarat tertentu (I). Hal ini demikian kerana kita tidak boleh menyiksa binatang dan perlu mempercepat proses sembelihan (H). Contohnya, menggunakan pisau yang tajam, membaringkan haiwan ke arah kiblat di atas rusuk kirinya, membantu menenangkan haiwan dan tidak menyembelihnya di hadapan haiwan lain (HL). Oleh itu, kita hendaklah berlaku ihsan terhadap binatang yang disembelih kerana haiwan juga makhluk Allah ﷻ (K).
 - b. i. *Hayat mustaqirrah* ialah binatang tersebut memiliki hayat yang kuat serta mampu bergerak dengan bertenaga.
 - ii.
 - Sah kerana tidak semestinya baligh dan dewasa.
 - Sah kerana janin tersebut dianggap sebahagian daripada ibunya.
 - iii.
 - Menghindarkan diri daripada penyakit yang terdapat dalam binatang kerana toksin dan bakteria dalam darah binatang telah dikeluarkan.
 - Mempercepat proses kematian binatang yang disembelih agar tidak menyiksa binatang tersebut.

PELAJARAN 15

1. a. i. Bermula 10 Zulhijah selepas solat Aidiladha sehingga sebelum terbenam matahari pada 13 Zulhijah.
 - ii. Lembu: Dua tahun ke atas.
Unta: Lima tahun ke atas.
Kambing: Dua tahun ke atas.
Biri-biri: Satu tahun ke atas/ sudah bersalin gigi hadapan setelah berumur enam bulan.
 - iii.
 - Orang yang berkorban disunatkan tidak bercukur dan memotong kuku pada permulaan bulan Zulhijah sehingga selesai korban.
 - Membaca *basmalah*, bertakbir dan berselawat kepada Rasulullah ﷺ ketika menyembelih agar mendapat keredaan Allah ﷻ.
- b. i. Binatang bebas daripada penyakit dan kecacatan.
 - ii. Daging korban diagihkan mentah kepada tiga bahagian, iaitu 1/3 disedekahkan kepada fakir miskin, 1/3 disedekahkan kepada sahabat handai termasuk jiran dan orang kaya, 1/3 dimakan oleh orang yang berkorban dan keluarganya. Manakala, daging akikah sunat dimasak manis dan disedekahkan sesudah dimasak. Masakan itu afdal disedekahkan kepada orang miskin dan masakan itu sunat dimakan oleh orang yang berakikah.
 - iii. Melakukan akikah, pemberian nama yang baik dan bercukur rambut bayi pada hari ketujuh kelahiran (I) supaya mendapat keberkatan dan keredaan Allah ﷻ (H). Kesannya, kita dapat menzahirkan kesyukuran terhadap nikmat kurniaan Allah ﷻ yang direzekikan kepada manusia (HL). Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mendekatkan diri kepada Allah ﷻ dengan ibadat tertentu agar hidup sentiasa tenang dan damai (K).

PELAJARAN 16

1. a. i. Harus, iaitu dibolehkan dalam Islam.
- ii. Sentiasa jujur dalam urusan muamalat serta tidak mengamalkan riba, judi, gharar dan *dharar*.
- iii.

	Muamalat Islam	Konvensional
Sumber	Bersumberkan dalil al-Quran dan <i>al-Sunnah</i> .	Bersumberkan teori dan pemikiran manusia semata-mata.
Riba	Mengharamkan riba.	Mengamalkan riba.
Judi dan gharar	Bebas unsur judi dan gharar.	Mengandungi unsur judi dan gharar.
Teras	Berteraskan keimanan kepada Allah ﷻ.	Berteraskan keuntungan dan kekayaan.

*mana-mana dua perbandingan diterima.

- iv. Aktiviti tersebut mengandungi unsur yang diharamkan dalam muamalat (I). Hal ini demikian kerana mereka selalu menjanjikan pulangan pelaburan yang keterlaluan dan indah-indah, walaupun hakikatnya tidak begitu (H). Contoh unsur tersebut seperti riba, gharar, judi dan *dharar* (HL). Oleh itu, kita hendaklah mengelakkan diri daripada terlibat dengan sesuatu yang tidak pasti dan merugikan dengan bermuamalat seperti dianjurkan oleh syarak (K).
- b. i.
 - Jual beli, iaitu suatu akad pertukaran barang dengan barang melalui persetujuan penjual dan pembeli.
 - Hibah, iaitu memberikan sesuatu secara percuma dengan rela hati kepada orang lain ketika pemberi masih hidup.
- ii.
 - Haram kerana menukarkan emas dengan emas yang berbeza berat merupakan riba.
 - Harus/sah kerana itu merupakan mudarabah dalam muamalat Islam.

PELAJARAN 17

1. a. i. Solat sunat duha dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk sehingga sebelum gelincir matahari.
- ii.
 - Bilangan rakaat ialah dua, empat, enam atau lapan.
 - Rakaat Pertama: Surah al-Fatihah dan Surah al-Syams/surah-surah lain.
Rakaat Kedua: Surah al-Fatihah dan Surah al-Duha/surah-surah lain.
- iii. Solat sunat duha menyebabkan kita mendapat rahmat dan rezeki daripada Allah ﷻ (I). Hal ini demikian kerana solat yang dilakukan pada awal pagi ini menjemput rezeki pada permulaan siang hari (H). Kesannya, kita dapat mendekatkan diri kepada Allah ﷻ bagi meraih kasih sayang daripada Allah ﷻ (HL). Oleh itu, kita hendaklah menunaikan solat sunat duha agar dapat menzahirkan

kesyukuran kepada Allah ﷻ terhadap nikmat yang dikurniakan serta membuktikan ketaatan kepada Allah ﷻ (K).

- b. i. Solat yang dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan dengan cara-cara tertentu.
- ii.
 - Menginsafi kekuasaan Allah ﷻ terhadap penciptaan alam semesta agar sentiasa bersyukur.
 - Memohon keampunan kepada Allah ﷻ terhadap segala dosa yang dilakukan sama ada sengaja atau tidak sengaja.

BIDANG 5: SIRAH DAN TAMADUN ISLAM

PELAJARAN 18 KERAJAAN KHULAFAH AL-RASYIDIN

A.

Pusat Pemerintahan	Madinah
Khalifah	1. Abu Bakar al-Siddiq 2. Umar bin al-Khattab 3. Uthman bin Affan 4. Ali bin Abi Talib

B.

Abu Bakar al-Siddiq	Umar bin al-Khattab	Uthman bin Affan	Ali bin Abi Talib
1. murtad, nabi palsu	1. Khalid bin al-Walid, Abu Ubaidah bin al-Jarrah	1. al-Quran, Mushaf Uthmani	1. Muawiyah bin Abi Sufyan, Abu Musa al-Asy'ari
2. Zaid bin Tsabit, ayat al-Quran	2. Rasulullah ﷺ, Perang Badar	2. baitulmal, Madinah	2. qisas, Uthman bin Affan
3. Rasulullah ﷺ, Ghassan	3. kebajikan, rakyat biasa	3. pertahanan, Masjid Nabawi	3. hakim, Yaman
4. para sahabat, Rom	4. majlis syura, gabenor	4. Tentera Laut, Mesir	4. peperangan, khalifah

- C. 1. Khalifah Abu Bakar al-Siddiq: Berjaya memerangi golongan murtad, nabi palsu dan golongan yang enggan membayar zakat.
2. Khalifah Umar al-Khattab: Menubuhkan majlis syura, jabatan tentera, jabatan polis, jabatan percukaian dan jabatan perbendaharaan negara.
3. Khalifah Umar al-Khattab: Memperkenalkan pelbagai cukai baharu seperti cukai jizyah dan kharaj.
4. Khalifah Umar al-Khattab: Mengasaskan takwim Islam sebagai asas permulaan pengiraan tahun Hijrah.
5. Khalifah Uthman bin Affan: Menubuhkan Angkatan Tentera Laut Islam yang pertama bagi tujuan keselamatan dan perluasan kuasa.
6. Khalifah Umar al-Khattab: Menubuhkan sekolah, iaitu *al-kuttub* yang dikhususkan untuk kanak-kanak.

- D. 1. Kita hendaklah menggiatkan usaha dakwah agar kebenaran Islam dapat disebarkan.
 2. Kita hendaklah mengukuhkan perpaduan umat Islam dengan memelihara hak antara satu dengan yang lain.
 3. Kita hendaklah menyumbang kepakaran untuk pembangunan dan kemajuan negara.
- E. 1. (✓) 2. (✗) 3. (✗) 4. (✓)

PELAJARAN 19 KERAJAAN UMAIYAH

- A. 1. Bersempena nama Umayyah bin Abdul Syams bin Abdul Manaf, iaitu salah seorang daripada pemimpin keturunan Quraisy.
 2. 14 orang khalifah.
 3. Tahun 41 Hijrah hingga 132 Hijrah (91 tahun).
 4. Damsyik, Syria.
- B. 1. Muawiyah bin Abi Sufyan
 2. Umar bin Abdul Aziz
 3. Abdul Malik bin Marwan
 4. Al-Walid bin Abdul Malik
 5. Abdul Malik bin Marwan
 6. Al-Walid bin Abdul Malik
 7. Muawiyah bin Abi Sufyan
 8. Al-Walid bin Abdul Malik
 9. Abdul Malik bin Marwan
 10. Umar bin Abdul Aziz
 11. Muawiyah bin Abi Sufyan
 12. Umar bin Abdul Aziz
- C. **Faktor Kegemilangan**
- Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah menyemarakkan aktiviti keilmuan seperti pengajian al-Quran dan pembukuan hadis.
 - Pelantikan gabenor yang berwibawa berjaya menghapuskan pemberontakan oleh puak Khawarij dan Syiah.
 - Penjagaan kebajikan rakyat menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan dan penyediaan kemudahan asas seperti masjid, jalan raya dan hospital.
- Faktor Kemosrotan**
- Sistem lantikan khalifah secara monarki menimbulkan perebutan kuasa dan persaingan dalam kalangan keluarga.
 - Sikap taasub antara kabilah Arab Utara dengan Arab Selatan sehingga mencetuskan perpecahan dan gerakan sulit untuk menumbangkan kerajaan.
 - Khalifah mengamalkan cara hidup mewah dan boros dalam perbelanjaan sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat.

- D. 1. Kita hendaklah memartabatkan ajaran al-Quran dan *al-Sunnah* dalam urusan kepimpinan agar syariat Islam dapat ditegakkan.
 2. Kita hendaklah mencontohi sifat-sifat mulia yang ada pada khalifah Islam seperti zuhud, tegas, berilmu dan bijaksana.
 3. Kita hendaklah menjaga hubungan baik antara pemimpin dengan rakyat agar hidup harmoni.
 4. Kita hendaklah memiliki semangat jihad yang tinggi dalam mempertahankan kedaulatan negara.

PELAJARAN 20 KERAJAAN ABBASIYAH

- A. 1. Bersempena nama bapa saudara Rasulullah ﷺ, iaitu al-Abbas bin Abdul Mutalib.
 2. 37 orang khalifah.
 3. Selama 524 tahun (tahun 132 Hijrah hingga tahun 656 Hijrah).
 4. Baghdad, Iraq.
- B. 1. Abu Ja'far 7. Abu Ja'far
 2. Abu Ja'far 8. Abu al-Abbas
 3. Abu al-Abbas 9. Harun al-Rasyid
 4. Abu al-Abbas 10. Harun al-Rasyid
 5. Abu Ja'far 11. Al-Ma'mun
 6. Al-Ma'mun 12. Al-Ma'mun
- C. **Faktor Kegemilangan**
- Galakan khalifah yang memperuntukkan hasil baitulmal untuk para ulama menjalankan aktiviti dakwah.
 - Kestabilan politik mendorong khalifah memajukan negara.
 - Layanan yang adil daripada khalifah dengan menghapuskan penindasan dan perhambaan.
- Faktor Kemosrotan**
- Perebutan kuasa antara khalifah seperti al-Muntasir dengan al-Mu'taz menyebabkan institusi khalifah menjadi lemah.
 - Pemberontakan dalam kalangan puak Syiah dan Khawarij.
 - Rusuhan dan pemberontakan sering berlaku menyebabkan pedagang luar tidak datang ke Baghdad mengakibatkan dana baitulmal merosot.
- D. 1. Kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa untuk menerajui kepimpinan supaya urusan pentadbiran berjalan lancar.
 2. Kita hendaklah mencontohi dan mempraktikkan ciri kepimpinan Islam dalam pentadbiran agar menjadi contoh ikutan terbaik.
 3. Kita hendaklah memanfaatkan sumber yang ada dengan bijak agar mampu bersaing pada peringkat global.
 4. Kita hendaklah memiliki perasaan cinta akan negara dengan meningkatkan amalan patriotisme dalam diri.

A.

Perkara	Imam Abu Hanifah	Imam Malik	Imam al-Syafi'i	Imam Ahmad
Tarikh lahir	80 Hijrah di Kufah.	93 Hijrah di Madinah.	150 Hijrah di Gaza.	164 Hijrah di Baghdad.
Tarikh wafat	150 Hijrah.	179 Hijrah.	204 Hijrah.	241 Hijrah.
Kunyah	Abu Hanifah	Abu Abdullah	Abu Abdullah	Abu Abdullah
Keperibadian	1. Sangat memuliakan ilmu. 2. Kuat beribadat seperti melakukan qiamullail, berpuasa sunat dan selalu khatam al-Quran.	1. Mencintai Rasulullah ﷺ sehingga tidak sanggup menunggang kuda dalam kota Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah ﷺ yang dimakamkan di sana. 2. Menghormati dan mencintai ilmu dengan berpegang pada prinsip "Murid mencari guru".	1. Sanggup tinggal bersama-sama kaum Arab Badwi demi menguasai bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Arab. 2. Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu.	1. Sentiasa menuntut ilmu, walaupun telah mendapat gelaran imam yang masyhur. 2. Memiliki sifat pemaaf yang sangat tinggi.

- B.
- | | |
|----------------|-----------------|
| 1. Ahmad | 9. Malik |
| 2. Al-Syafi'i | 10. Abu Hanifah |
| 3. Abu Hanifah | 11. Ahmad |
| 4. Malik | 12. Al-Syafi'i |
| 5. Al-Syafi'i | 13. Abu Hanifah |
| 6. Ahmad | 14. Malik |
| 7. Malik | 15. Al-Syafi'i |
| 8. Abu Hanifah | 16. Ahmad |
- C.
- Kita hendaklah mencontohi kegigihan dan kesabaran imam mazhab dalam menuntut ilmu sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu.
 - Kita hendaklah menghormati perbezaan pandangan antara mazhab supaya masyarakat hidup harmoni.
 - Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari supaya hidup diberkati Allah ﷻ.
 - Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki agar dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat.
 - Kita hendaklah berwaspada dalam menilai sumber-sumber ilmu agar tidak terpesong daripada syariat Islam.

- Mengasaskan takwim Islam sebagai asas permulaan pengiraan tahun Hijrah.
 - Memperkenalkan pelbagai cukai baharu seperti cukai jizyah dan kharaj.
 - Menubuhkan sekolah, iaitu *al-kuttub* yang dikhususkan untuk kanak-kanak.
- iii. Saya akan memimpin diri dan rakan sekeliling dengan bijaksana dan adil (I) supaya semua orang hidup dalam keadaan selesa dan gembira (H). Kesannya, kita dapat hidup aman dan tenang tanpa berlaku perbalahan dan rasa tidak berpuas hati (HL). Oleh itu, kita hendaklah menjadi pemimpin melalui tauladan baik kepada orang lain agar kita menjadi pemimpin yang dihormati (K).

PRAKTIS SPM

PELAJARAN 18

- Tegas dalam memerangi golongan murtad, nabi palsu dan orang yang enggan membayar zakat.
 - Berpandangan jauh dengan mengarahkan Zaid bin Tsabit mengetuai usaha menghimpunkan tulisan ayat al-Quran yang terdapat pada kepingan batu, tulang, pelepah tamar dan kulit haiwan kerana ramai penghafaz al-Quran terkorban dalam peperangan Yamamah.
 - Menubuhkan majlis syura, jabatan tentera, jabatan polis, jabatan percukaian dan jabatan pembendaharaan negara untuk melicinkan pentadbiran kerajaan.

PELAJARAN 19

- Marwan bin Muhammad
 - Pembukaan wilayah baharu Islam seperti Andalus dan India.
 - Memperbaiki dan mencantikkan seni bina Masjid Nabawi.
 - Membina banyak masjid baharu seperti Masjid Umawi di Damsyik yang bercirikan seni bina Islam.
 - Memberikan perhatian kepada rakyat yang berkeperluan khas seperti golongan warga emas dan orang buta dengan menubuhkan jabatan khas.
 - Menggalakkan pembinaan bangunan baharu bercirikan seni bina Islam.
 - Memperbaiki jalan raya menuju ke negeri Hijaz bagi memudahkan perjalanan jemaah haji ke Baitullah.
 - Saya akan mengamalkan sikap prihatin terhadap orang di sekeliling saya (I). Hal ini demikian kerana kita perlu saling membantu rakan, jiran dan ahli keluarga yang sedang ditimpa musibah serta ujian oleh Allah ﷻ (H). Kesannya, masyarakat yang unggul dan cemerlang dapat dilahirkan kerana

memiliki ikatan ukhawah yang kuat (HL). Oleh itu, kita hendaklah mencontohi akhlak Rasulullah ﷺ dan para sahabat agar dapat menjalani kehidupan yang harmoni (K).

- iv. • Sistem lantikan khalifah secara monarki menimbulkan perebutan kuasa dan persaingan dalam kalangan keluarga kerana masing-masing ingin mengejar jawatan khalifah.
- Khalifah mengamalkan cara hidup mewah dan boros dalam perbelanjaan sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat.

PELAJARAN 20

1. a. i. 170 Hijrah hingga 192 Hijrah, selama 23 tahun.
- ii. • Memperkemas sistem percukaian Islam berpandukan *Kitab al-Kharaj*.
- Mewujudkan jawatan Ketua Hakim Negara (Qadhi al-Qudhah).
- Membina Baitul Hikmah (Perpustakaan Agung).
- Menjadikan Baghdad sebagai pusat tumpuan perdagangan, keilmuan dan kebudayaan.
- Membina kemudahan awam seperti farmasi dan pusat pengajian.
- Menubuhkan Majlis al-Munazharah sebagai pusat penyelidikan ilmu agama.
- iii. Saya akan sering mengunjungi perpustakaan untuk mendapatkan bahan bacaan dan rujukan (I). Hal ini demikian kerana perpustakaan merupakan gedung sumber pengetahuan yang mengandungi buku, majalah, jurnal dan lain-lain lagi (H). Kesannya, saya dapat meningkatkan tahap penguasaan saya dalam mata pelajaran di sekolah (HL). Oleh itu, kita hendaklah rajin menuntut ilmu dengan menjadikan perpustakaan sebagai tempat yang sering dikunjungi demi mencari maklumat (K).
- iv. • Perebutan kuasa antara khalifah seperti al-Muntasir dengan al-Mu'taz menyebabkan institusi khalifah menjadi lemah.
- Rusuhan dan pemberontakan sering berlaku menyebabkan pedagang luar tidak datang ke Baghdad mengakibatkan dana baitulmal merosot.

PELAJARAN 21

1. a. i. **Imam Abu Hanifah**
 - Nama penuh al-Nu'man bin Tsabit al-Kufi. Dilahirkan pada 80 Hijrah di Kufah. Wafat pada 150 Hijrah. *Kunyah* bagi Imam Abu Hanifah ialah Abu Hanifah.
- Imam al-Syafi'i**
 - Nama penuh Muhammad bin Idris al-Syafi'i. Dilahirkan pada 150 Hijrah di Gaza. Tarikh wafat 204 Hijrah. *Kunyah* bagi Imam al-Syafi'i ialah Abu Abdullah.
- ii. **Imam Abu Hanifah**
 - Hasil karyanya: *Al-Fara'idh, Al-Fiqh al-Akbar* dan *Al-'Alim wa al-Muta'allim*.

- Mengasaskan Mazhab Hanafi berdasarkan fatwa para sahabat, qias, istihsan, ijmak dan uruf.
- Melahirkan murid yang terkenal seperti Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani.
- Mazhab tersebar ke seluruh Asia Tengah dan Eropah.

Imam Al-Syafi'i

- Hasil karyanya: *Al-Risalah, Al-Umm* dan *Al-Musnad*.
- Mengasaskan Mazhab Syafi'i berdasarkan ijmak, qias dan *istidlal*.
- Melahirkan murid yang terkenal seperti Ahmad bin Hanbal.
- Mazhab tersebar di Mesir, Iraq, Syria, Malaysia dan China.
- iii. Saya akan menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh, fokus dan sentiasa menghormati guru (I). Hal ini demikian kerana akhlak yang baik dapat memastikan ilmu yang diperoleh mendapat keberkatan daripada Allah ﷻ (H). Kesannya, ilmu dapat dimanfaatkan serta boleh dikongsi bersama dengan orang lain (HL). Oleh itu, kita hendaklah menuntut ilmu tanpa jemu agar kita berjaya di dunia dan di akhirat (K).


BIDANG 6: AKHLAK ISLAMIAH

PELAJARAN 22 BERSIKAP BENAR MENJAUHKAN KEMUNAFIKAN

- A. 1. Pengertian: Tidak berdusta dari segi perkataan, perkhabaran dan perbuatan.
2. Dalil naqli:


يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوْا اللّٰهَ وَقُولُوْا قَوْلًا سَدِيْقًا ﴿۷۰﴾

(Surah al-Ahzab 33: 70)
- B. 1. **Benar dalam tutur kata:**
 - Tidak berbohong apabila berkata-kata.
 - Memelihara diri daripada mengeluarkan lafaz yang jelas mendatangkan dosa dan mengelirukan.
2. **Benar dalam niat dan kemahuan:**
 - Berniat ikhlas kerana Allah ﷻ.
 - Berniat untuk membuat kebaikan semata-mata.
3. **Benar dalam keazaman dan cita-cita:**
 - Bertekad mencapai apa-apa yang dicita-citakan.
 - Tindakan yang dilakukan seiring dengan keazaman untuk mencapai matlamat.
4. **Benar dalam tugasan:**
 - Melakukan tugasan tanpa mengharap balasan.
 - Melakukan tugasan dengan cara terbaik.
5. **Benar dalam menepati janji:**
 - Berjanji dengan apa-apa yang mampu ditunaikan.
 - Melaksanakannya tepat dengan sesuatu yang telah dijanjikan.
- C. 1. wahyu 4. bergurau
2. benar 5. tua
3. disampaikan 6. gadis



PELAJARAN 23 KHAUF DAN RAJA'

- A. 1. kemurkaan
2. azab
3. larangan
4. keredaan
5. melaksanakan
6. perintah



- C. 1. menangis
2. berasa takut
3. mengharapakan
4. takut

D.

Konsep khauf dan raja' yang seimbang	Hikmah bersifat khauf dan raja'
1. Rasa takut akan Allah ﷻ hendaklah diiringi dengan tindakan yang selari dengan syarak.	1. Mendidik jiwa insan agar sentiasa menjauhi larangan Allah ﷻ.
2. Khauf dan raja' hendaklah berpaksikan husnuzan kepada Allah ﷻ.	2. Melahirkan insan yang gembira untuk melakukan kebaikan.
3. Seseorang yang mengharapakan keredaan Allah ﷻ hendaklah melakukan amal ibadat.	3. Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah ﷻ dalam setiap keadaan.

PELAJARAN 24 ADAB TERHADAP ORANG SAKIT DAN KURANG UPAYA

A.

Beradab kepada orang sakit	Beradab kepada Orang Kurang Upaya
<p>Abu Musa al-Asy'ari ﷺ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Ziarahilah orang yang sakit, berikan makanan kepada orang yang lapar dan bebaskanlah tawanan." (Riwayat al-Bukhari)</p>	<p>Anas bin Malik ﷺ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Seorang wanita yang mempunyai kekurangan pada akalinya berkata: Wahai Rasulullah ﷺ, saya memerlukan pertolonganmu dalam sesuatu urusan. Rasulullah ﷺ bersabda: Wahai ibu, bagaimana caranya untuk aku membantumu? Lalu, Rasulullah ﷺ meluangkan masanya sehingga wanita itu dapat menyelesaikan urusannya." (Riwayat Muslim)</p>

- B. 1. Memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa bersih.
2. Memberikan semangat dan motivasi agar mereka sabar dan reda.
3. Membantu mereka yang ingin melakukan ibadat.
4. Memastikan kemudahan asas yang disediakan untuk mereka tidak disalahgunakan.
5. Memberikan layanan dengan penuh kasih dan sayang terhadap mereka.
6. Membantu mereka dengan memberikan tunjuk ajar mengenai urusan ibadat.

C.

Hikmah beradab terhadap orang sakit	Hikmah beradab terhadap Orang Kurang Upaya
1. Menggembirakan pesakit agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah ﷻ.	1. Menimbulkan rasa dihargai dalam diri Orang Kurang Upaya kerana mendapat perhatian dan keistimewaan.
2. Mengeratkan ukhuwah sesama anggota masyarakat agar hidup diberkati oleh Allah ﷻ.	2. Memupuk sifat kebersamaan terhadap semua golongan masyarakat agar perpaduan dapat diwujudkan.
3. Melahirkan keinsafan kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit.	3. Melahirkan rasa syukur kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna.

- D. 1. Elaun pekerja cacat.
2. Geran pelancaran.
3. Bantuan alat tiruan dan sokongan.
4. Bantuan penjagaan OKU terlantar.
5. Bantuan OKU tidak bekerja.
6. Bantuan tongkat putih *White Cane* dan mesin Braille untuk OKU cacat penglihatan.

PELAJARAN 25

WASATIYAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT

- A. 1. Pengertian: Pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.

2. Dalil naqli:

- $\text{وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِيَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا}$

(Surah al-Baqarah 2: 143)

- Sayidatina Aisyah ؓ meriwayatkan bahawa Rasulullah ؐ bersabda:

“Lakukanlah dengan bersederhana. Dan ketahuilah bahawa, perbuatan kamu tidak akan menyebabkan kamu masuk syurga. Amalan yang paling disukai oleh Allah ﷻ adalah yang berterusan, walaupun sedikit.”

(Riwayat al-Bukhari)

- B. 1. **Kesederhanaan:**

- Melakukan tugas dengan sempurna dan penuh tanggungjawab.
- Memenuhi syarat dalam menunaikan tugas, mematuhi arahan dan prosedur dalam menjalankan amanah.

2. **Keseimbangan:**

- Rohani – melaksanakan ibadat secara istiqamah.
- Jasmani – mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan.
- Aqli – menjauhi barang larangan yang boleh merosakkan akal seperti dadah dan arak.

3. **Keadilan:**

- Menunaikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya.
- Mengambil pendekatan pertengahan dan seimbang secara hikmah antara dua perkara yang ekstrem.

4. **Kecemerlangan:**

- Melakukan kebaikan seperti memakmurkan bumi, membangunkan negara dan membasmi kemiskinan.
- Mencegah diri daripada melakukan kezaliman, kefasiqan dan kekejaman.

- C. 1. menyempurnakan, nilai murni
2. menyeluruh, seimbang
3. aman, bersatu padu
4. pendidikan, keperluan
5. Ekonomi, pembaziran

PRAKTIS SPM

PELAJARAN 22

1. a. i. Tidak berdusta dari segi perkataan, perkhabaran dan perbuatan.

- ii.
 - Terpelihara daripada sifat munafik yang dibenci oleh Allah ﷻ .
 - Menenangkan hati kerana tidak melakukan dosa.
 - Saling bekerjasama kerana wujud perasaan saling mempercayai.
 - Menjadi contoh teladan kepada orang lain kerana maruahnya dipandang tinggi.
- iii. Sentiasa mendidik diri mengamalkan sikap mahmudah dalam kehidupan seharian (I). Hal ini bertujuan mengelakkan diri daripada berlaku tidak jujur dari aspek perkataan, perbuatan dan niat (H). Kepentingan kita mengamalkan sikap benar supaya kita sentiasa dekat dengan Allah ﷻ dan bermuhasabah diri (HL). Oleh itu, kita hendaklah bersabar dengan setiap yang berlaku agar tidak cenderung melakukan perbuatan orang munafik (K).

PELAJARAN 23

1. a. i. Takut akan kemurkaan dan azab Allah ﷻ dengan menjauhi segala larangan-Nya.
- ii. Sentiasa bermuhasabah diri terhadap segala yang telah dilakukan dengan menginsafi dosa-dosa yang menggunung tinggi (I). Hal ini demikian kerana setiap perbuatan akan diberi balasan setimpal oleh Allah ﷻ (H). Kesannya, seseorang itu akan berasa takut akan azab Allah ﷻ akibat daripada perlakuan dosa yang dilakukan (HL). Oleh itu, kita hendaklah sentiasa bertaubat terhadap segala kesilapan agar terhindar daripada melakukan kemaksiatan (K).
- iii.
 - Rasa takut akan Allah ﷻ terhadap dosa hendaklah diiringi bersama-sama tindakan yang selari dengan syarak seperti menjauhi perbuatan dilarang dan sentiasa melakukan solat taubat.
 - Khauf dan *raja'* hendaklah berpaksikan husnuzan (bersangka baik) kepada Allah ﷻ kerana Allah ﷻ akan mengikut sangkaan hamba-Nya yang sentiasa mengharapkan keredaan dan dijauhi daripada kemungkaran.

PELAJARAN 24

1. a. i.
 - Memberikan semangat dan motivasi agar mereka sabar dan reda.
 - Tidak melakukan sesuatu yang boleh mengganggu ketenteraman mereka dengan bunyi bising dan tempoh ziarah yang lama.
- ii.
 - Menggembirakan pesakit agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah ﷻ .
 - Mengeratkan ukhawah sesama anggota masyarakat agar hidup diberkati oleh Allah ﷻ .
 - Melahirkan keinsafan kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit.
2. a. i. Seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk melibatkan diri secara efektif dalam kalangan masyarakat dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera sejak lahir atau selepasnya.
- ii.
 - Menyediakan kemudahan kepada mereka untuk melakukan ibadat dengan selesa.
 - Membantu mereka dengan memberikan tunjuk ajar mengenai urusan ibadat.

b. Hak Orang Kurang Upaya akan disalahgunakan oleh masyarakat secara berleluasa (I). Hal ini akan menyebabkan Orang Kurang Upaya sukar untuk bergerak dan berurusan kerana parkir mereka tidak selesa dan jauh daripada tempat sepatutnya (H). Kesannya, mereka terpinggir dan tertindas menyebabkan timbulnya rasa rendah diri dalam kalangan masyarakat kerana tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya (HL). Oleh itu, kita hendaklah sentiasa bertimbang rasa terhadap Orang Kurang Upaya kerana mereka juga makhluk Allah ﷻ yang menjadi tanggungjawab kita untuk membantu mereka jika memerlukan (K).

PELAJARAN 25

1. a. i.
 - Sederhana: Melakukan sesuatu dengan sempurna, tidak melampaui batas dan mematuhi syarat.
 - Seimbang: Memenuhi keperluan rohani, jasmani dan akal secara sempurna dalam semua keadaan.
- ii.
 - Melakukan tugas dengan sempurna dan penuh tanggungjawab.
 - Memenuhi syarat dalam menunaikan tugas, mematuhi arahan dan prosedur dalam menjalankan amanah.
 - Melaksanakan tugas sebagai hamba Allah ﷻ dan khalifah di muka bumi.

- iii.
 - Mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan.
 - Berehat setelah penat bekerja supaya badan kembali cergas dan bertenaga.
- b. i. Masyarakat akan menjadi insan yang cemerlang dan kuat (I). Hal ini demikian kerana mereka mengamalkan semua prinsip wasatiah dalam kehidupan (H). Contohnya, mengamalkan kesederhanaan dengan menunaikan tugas sehabis baik, mengamalkan keadilan dengan sentiasa menjaga hak diri dan orang lain, mengamalkan keseimbangan antara dua perkara perlu dititik beratkan dan mengamalkan konsep kecemerlangan, iaitu sentiasa melakukan yang terbaik sebagai hamba Allah ﷻ di muka bumi ini (HL). Oleh itu, kita hendaklah menunjukkan *qudwah hasanah* (contoh tauladan) kepada orang lain agar Islam sentiasa dipandang tinggi imejnya (K).
- ii. Mengambil makanan mengikut keperluan diri (I) untuk mengelakkan makanan terbuang kerana tidak habis dimakan (H). Kesannya, kita akan sentiasa bersyukur dengan nikmat makanan yang dikurniakan kepada kita (HL). Oleh itu, kita mestilah membudayakan sikap prihatin pada rezeki yang diperoleh agar tidak dimurkai oleh Allah ﷻ (K).